



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

YB TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA TURUN PADANG TINJAU PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR DAN PROJEK PEMBANGUNAN DI DAERAH JOHOR BAHRU

JOHOR BAHRU, JOHOR – Timbalan Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Datuk Seri Dr Ahmad Maslan hari ini telah turun padang bersama pegawai dari Kementerian Kerja Raya (KKR) serta Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Johor Bahru bagi meninjau keadaan penyelenggaraan infrastruktur serta kemajuan projek-projek pembangunan di sekitar daerah ini.

2. Lawatan ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memastikan keperluan rakyat sentiasa diberi perhatian, khususnya berkaitan penyelenggaraan jalan dan kemudahan awam yang menjadi nadi kepada kehidupan harian masyarakat setempat.
3. JKR Daerah Johor Bahru memaklumkan bahawa pihaknya sentiasa komited dalam memastikan penyelenggaraan dan pembangunan infrastruktur awam dilaksanakan dengan cekap, selamat dan berkualiti. Skop penyelenggaraan melibatkan Jalan Negeri 197 kilometer dan Jalan Persekutuan sepanjang kira-kira 222 kilometer, merangkumi kerja penyelenggaraan rutin, berkala turapan dan bukan turapan, sistem saliran, pementungan lintasan serta cerun.
4. Bagi tahun 2026 sehingga April, JKR Daerah Johor Bahru telah menerima peruntukan sebanyak RM12 juta berbanding RM6 juta pada tahun 2025 bagi memastikan tahap keselamatan, keselesaan serta kelancaran trafik sentiasa terpelihara. Peruntukan RM12 juta ini adalah khusus bagi penyelenggaraan Jalan Persekutuan termasuk pembaikan permukaan jalan, sistem perparitan serta penambahbaikan perabot jalan dan papan tanda bagi meningkatkan ciri keselamatan jalan.
5. Dalam masa yang sama, sebanyak 2 projek jalan negeri juga sedang dilaksanakan dengan nilai keseluruhan sebanyak RM 80,463,357.40.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur

f @ X d KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

6. Selain itu, sebanyak sembilan (9) projek bangunan di bawah peruntukan Persekutuan sedang dilaksanakan dengan nilai RM91,382,098.10, manakala dua (2) projek di bawah peruntukan Kerajaan Negeri bernilai RM73,000,000.00. Projek-projek ini merangkumi pembinaan sekolah termasuk penambahan bilik darjah dan bilik Pendidikan Khas, dewan sekolah, pejabat agensi kerajaan, tadika serta kemudahan awam lain.
7. JKR Daerah Johor Bahru juga telah mengiklankan dua (2) projek pembinaan sekolah menggunakan kaedah bangunan modular dan IBS. Pada Mei ini, sebanyak sepuluh (10) projek pembinaan bilik darjah tambahan di sekolah-sekolah sekitar Johor Bahru akan diiklankan.
8. Bagi kerja-kerja menaik taraf dan penyelenggaraan bangunan sekolah serta pejabat agensi kerajaan, sejumlah RM35,000,000.00 iaitu merangkumi sepuluh (10) projek telah diperuntukkan kepada JKR Daerah Johor Bahru.
9. Hasil tinjauan mendapati pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan dan projek pembangunan berjalan mengikut perancangan. Penekanan turut diberikan kepada pemantauan berterusan bagi memastikan semua projek disiapkan mengikut jadual, kos dan kualiti yang ditetapkan.
10. Kementerian Kerja Raya melalui JKR akan terus memperkukuh penyampaian perkhidmatan serta meningkatkan mutu penyelenggaraan infrastruktur selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI yang menekankan kesejahteraan, kemampanan dan keprihatinan terhadap rakyat.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
16 APRIL 2026

#KKR
#KearahKesejahteraanRakyat
#KerajaanMADANI
#MADANIBekerja
#KerajaanMADANIrakyatdisantun